



NOOR MOHAMAD SHAKIL HAMEED

Hormati tugas penjawat awam

KEJADIAN sepasang suami isteri yang mengganggu dan mengasari seorang anggota penguat kuasa wanita Majlis Perbandaran Shah Alam (MBSA) baru-baru ini kerana mengeluarkan saman tidak sepatutnya berlaku. Video kejadian berdurasi sekitar dua minit yang menjadi viral dalam media sosial mengundang rasa marah dalam kalangan netizen dan juga masyarakat secara keseluruhannya. Perbuatan biadab seperti ini memang wajar dikenakan hukuman yang setimpal.

Lor Ka Hoo dan pasangannya Tan Sit Fun yang mengaku bersalah telah dijatuhkan hukuman penjara 14 hari dan denda RM3,000, dan jika gagal membayar denda dipenjarakan tujuh hari. Sementara itu, Jabatan Peguam Negara telah memfailkan rayuan terhadap hukuman tersebut kerana berpandangan ia adalah terlampau ringan berbanding kesalahan yang mereka dilakukan. Kita puji tindakan pihak polis yang menangkap dan membawa pasangan ini ke muka pengadilan dengan begitu cepat, namun hukuman yang dijatuhkan itu dilihat belum memadai untuk memberikan pengajaran kepada pasangan ini.

Penulis secara peribadi menyokong penuh rayuan terhadap hukuman ini kerana tindakan mereka cukup melampau dan tidak boleh dimaafkan begitu saja. Malah kalau boleh kita berharap kes ini turut didakwa di bawah Seksyen 353 Kanun Keseksan yang lebih serius iaitu menyerang atau menggunakan kekerasan jenayah ke-

pada mana-mana orang dengan niat hendak mencabul kehormatan yang jika sabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara sampai 10 tahun atau boleh dikenakan denda atau sebat atau boleh dihukum dengan mana-mana dua daripada hukuman berkenaan.

Hal ini kerana penguat kuasa tersebut hanya menjalankan tugas dan rutin hariannya seperti biasa mengikut bidang tugasnya dan tidak wajar beliau dihalang, dikasari malah sebagai wanita boleh dikatakan pasangan tersebut cuba mengaibkannya dengan sengaja sehingga ada elemen sentuhan fizikal. Justeru sebagai iktibar dan

pengajaran kepada semua,

pasangan ini wajar dikenakan hukuman yang lebih berat dan setimpal agar masyarakat akan lebih berhati-hati dan menghormati penjawat awam.

Hakikatnya perbuatan seperti ini tidak membabitkan isu perkauman apatah lagi politik, sebaliknya ia melibatkan aspek sikap dan tingkah laku segelintir masyarakat kita yang gagal menghayati konsep sopan santun dan budi bahasa. Dalam konteks ini, masyarakat secara keseluruhannya perlu faham betapa penjawat awam baik dari kalangan penguat kuasa mahupun yang bukan berpakaian seragam hanya menjalankan tugas. Tetapi malangnya, kejadian seperti ini terlalu kerap berlaku sehingga adakalanya kita tertanya-tanya di mana tahap keselamatan diri penjawat awam serta sejauh mana masyarakat menghormati tugas mereka.

Boleh dikatakan banyak kes seperti ini mula berlaku di negara ini. Ada penjawat awam yang dikurung dalam rumah mahupun premis ketika mengadakan serbuan, ada yang dihalau, dimaki hamun dan diaibkan, malah ada yang diugut dan dipukul. Penjawat awam melalui detik-detik mencemaskan seperti ini hanya kerana menjalankan tugas mereka. Maka timbul persoalan apakah ini balasan kepada nilai amanah dan integriti yang ditunjukkan oleh seorang penjawat awam?

Justeru penulis berpandangan ada beberapa aspek penting perlu diberi perhatian supaya masalah seperti ini tidak berulang lagi. Antaranya, masyarakat perlu jelas dan faham tentang peranan dan skop tugas penjawat awam yang pelbagai mengikut agensi dan kementerian serta bidang kuasa mereka.

Dalam hal ini, mungkin ada perlunya pihak agensi penguatkuasaan terutamanya boleh menyediakan ruang hebahan kepada orang awam tentang bidang tugas dan bidang kuasa masing-masing supaya masyarakat akan faham serta boleh memberi kerjasama ketika mereka menjalankan tugas.

Hal ini dilihat amat perlu dan cukup signifikan kerana tindak tanduk seperti menghalang penjawat awam menjalankan tugas tidak sepatutnya berlaku andai mereka memahami skop tugas anggota penguat kuasa. Walaupun kita tidak nafikan kebanyakan daripada mereka memang buat-buat tidak faham dengan tugas penjawat awam kerana telah melakukan pelbagai kesalahan mahupun jenayah tetapi secara keseluruhannya tahap pemahaman dan kesedaran masyarakat mungkin masih rendah dan perlu dipertingkatkan.

Pada masa sama, kita juga berharap pihak kerajaan menyemak semula undang-undang dan hukuman sedia ada supaya pihak yang disabit kesalahan mengganggu atau menghalang tugas serta mengancam keselamatan diri penjawat awam dikenakan hukuman yang lebih berat terutamanya di bawah Seksyen 353 Kanun Keseksan yang jika sabit kesalahan boleh dihukum penjara sehingga dua tahun atau denda, atau kedua-duanya sekali. Malah perlu juga ada undang-undang yang boleh melindungi penjawat awam dari diaibkan di khalayak ketika menjalankan tugas.

Perkara ini penting dan wajar diberi perhatian serius kerana ia membabitkan aspek keselamatan serta maruah diri individu dan juga imej agensi awam yang terbabit serta ia juga dikhuatiri akan menjejaskan semangat dan motivasi penjawat awam untuk melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi. Bayangkan perasaan penjawat awam yang bukan saja dihalang ketika bertugas malah diaibkan di khalayak ramai?

Semoga kejadian yang menimpa anggota penguatkuasa wanita MBSA ini membuka mata semua pihak supaya jangan pandang enteng tugas dan peranan penjawat awam. Dan jangan sesekali cuba menghalang atau mengancam keselamatan mereka. Penjawat awam adalah tulang belakang kemajuan negara ini, jadi hargai dan hormatilah sumbangan mereka.

PENULIS ialah Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Universiti Putra Malaysia (UPM).